

Uchapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran,  
Inche Hussein Onn ketika melancharkan Hari  
Guru pada 16hb Mei, 1972 melalui Radio dan  
Televeshen Malaysia bersamaan 15.5.72 jam  
9.15 malam

---

Ucapan : ADHO

526

145/80

525-144/80

### PERANAN GURU DALAM MASHARAKAT

*Ibu<sup>2</sup> bapa, guru<sup>2</sup>, murid<sup>2</sup>, lisan<sup>2</sup> e puan<sup>2</sup>.*

Tahun ini, kita merayakan Hari Guru bagi kali yang pertama, sechara besar2an di-peringkat Kebangsaan. Ini ia-lah satu langkah yang penting, di-dalam proses meng-  
hargai peranan guru2 dalam masharakat. Bagi menandakan, ketika ini, guru2 di-seluruh negara, merayakan-nya dengan mengadakan seminar2, persidangan2 dan perhimpunan2, dan di-dalam separoh2 tempat selama saminggu lama-nya. Aktiviti2 ini, bukan sahaja akan merapatkan guru2 antara satu dengan lain, malahan juga memberi peluang guru2 meninggikan mutu pengajaran melalui penilaian diri sendiri.

2. 16 Mei telah di-pilih sebagai Hari Guru oleh kerana pada hari itu dalam tahun 1956, Majlis Undang2 Persekutuan Tanah Melayu dengan resmi-nya telah menerima shor2 laporan Jawatankuasa Penyemak Pelajaran, (lebih di-kenali sebagai Laporan Razak), sebagai Asas Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Ini lah kali yang pertama dalam sejarah negara ini, di-mana satu dasar pelajaran yang meliputi seluruh negara telah di-terima. Dengan perubahan masa, beberapa pindaan yang perlu telah di-buat, tetapi pada keseluruhannya, shor2 laporan tersebut terus menjadi tulang belakang dasar pelajaran kebangsaan. Hari Guru akan mengabadikan 16 Mei di-dalam sejarah pelajaran negara kita, Malaysia.

3. Kebetulan-nya perayaan Hari Guru yang pertama ini jatuh pada tahun 1972, <sup>yang</sup> ~~dan~~ juga telah di-ishtiharkan

oleh Bangsa2 Bersatu sebagai tahun buku antara bangsa.

Ini merupakan satu kejadian yang mengembirakan, oleh kerana guru dan buku tidak boleh di-pisahkan.

4. Istilah guru memberi gambaran yang berlainan pada sa-saorang, ada yang mengembirakan dan ada yang tidak, ada yang sesuai dan ada yang tidak sesuai. Tanpa memikirkan apa jua tafsiran oleh sa-saorang terhadap guru2, mereka mempunyai peranan yang sama, ia-itu mereka di-tugaskan oleh masharakat sebagai gulongan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai2 pada jenerasi yang akan datang.

5. Guru2 sebagai satu kumpulan ikhtisas ada-lah hasil sechara langsung daripada ada-nya persekolahan. Pada satu ketika, peranan saorang pendidik ada-lah mengajar anak2 membacha, menulis dan menyelesaikan masaalah2 ilmu

hisab yang mudah. Apabila masharakat bertambah maju, maka isi dan mutu pelajaran terpaksa-lah di-perluaskan, dan pada hari ini pelajaran meliputi pelajaran Jasmani dan Kesehatan, Ilmu Hisab dan Sains, Sejarah, Ilmu Alam, ~~dan~~ Civik dan mata2 pelajaran teknikal serta vokeshenal, dan termasuk juga musik dan lukisan serta Kerja Tangan. Mata2 pelajaran ini memerlukan kemahiran yang khas dan hanya ahli2 yang berkelayakan ikhtisas sahaja yang dapat membekalkan-nya.

6. Oleh kerana ada-nya keperluan2 yang sa-begitu rupa di-tetapkan, maka mustahak-lah tiap2 guru itu mestilah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelibar besar dan dapat menjalankan tugas2-nya dengan berkesan dalam apa jua keadaan dan masa. Isi kandungan kursus bagi latehan perguruan, menentukan bahawa mereka yang di-

amanahkan mendidik anak2 telah di-lengkapkan dengan sapaenoh-nya, suasana yang berubah memerlukan guru2 mengikuti kursus2 dalam perkhidmatan untok melengkapkan diri mereka.

7. Selalu sa-saorang mendengar Komen yang mengatakan "Sa-siapa sahaja boleh mengajar." Kalau kenyataan ini benar, maka kita tidak akan mendengar sungutan daripada ibu bapa terhadap guru2, atau tentang kakurangan guru2 dalam bidang Ilmu Hisab dan Sains. Biar lah saya tegaskan sekali lagi bahawa, pengajaran ia-lah satu tugas yang memerlukan kemahiran yang istimewa dan sakira-nya mutu pelajaran hendak di-perbaiki di-negeri ini, kita mesti lah mempunyai guru2 yang berkelulusan ilmiah dan kelulusan ikhtisas yang tinggi di-samping mempunyai satu tanggung-jawab dan dedikasi terhadap tugas mereka.

8. Boleh juga di-katakan bahawa, tiap2 saorang ~~persaorangan~~ dengan chara-nya yang tersendiri, ia-lah juga saorang guru, oleh kerana pelajaran tidak terhad kepada apa2 yang di-pelajari di-dalam sa-sabuah bilek darjah. Sa-saorang itu terus belajar dari dia di-lahirkan hingga-lah dia meninggal dunia, ~~melainkan ia saorang yang tidak sehat otak-nya.~~ Pelajaran sa-umpama itu boleh di-renchanakan atau di-rombak, dan akhir-nya <sup>pengaruh</sup> ~~nanti peranan~~ ibu bapa dan masharakat tidak boleh di-ketepikan. Kita sedar bahawa sa-saorang murid hanya belajar antara 5 hingga 6 jam dalam sa-hari dan lebeh kurang 190 hari dalam sa-tahun di-sekolah.

9. Di-dalam sa-sabuah negara saperti Malaysia, pelajaran ada-lah di-sifatkan sebagai satu alat perubahan. Perubahan2 yang di-laksanakan di-sekolah2, mempunyai banyak kemungkinan

berjaya, oleh kerana perubahan2 itu di-buat semasa kanak2 maseh muda lagi, dan akan mempunyai masa yang panjang untok berakar-umbi. Dalam sa-sabuah negara yang sedang membangun saperti negara kita ini, apa yang di-pelajari oleh kanak2 di-sekolah mempengaruhi suasana rumah tangga mereka, dan di-samping itu menyediakan tapak untok membuat apa jua perubahan.

10. Malaysia telah ujud sebagai satu bangsa, tetapi ia-nya maseh memerlukan masa yang panjang, untok membolehkan-nya mendapat tempat yang di-hormati di-kalangan antara bangsa. Ini boleh di-chapai dengan melaksanakan berbagai2 ranchangan pembangunan, termasuk ranchangan Malaysia Kedua, yang bertujuan untok menghapuskan keadaan ekonomi yang tidak saimbang, yang berhubung dengan faktor2 kaum dan alam sakeliling mereka, <sup>dan</sup> ~~Di-samping tujuan lain~~

~~untuk~~ menghapuskan kemiskinan dan membena semula masyarakat Malaysia seluruh-nya. Kechapaian kejayaan tujuan2 ini, bergantung kepada sikap dan kemahiran yang ada pada masyarakat.

// Pembangunan dan perubahan2 lazim-nya bermula dalam fikiran manusia. Untuk melaksanakan rancangan2, maka pemikiran masyarakat mesti-lah di-bentok untuk menerima perubahan2 itu. Untuk perubahan2 itu membawa pengertian2 tertentu dari segi keadaan-nya, masyarakat hendak lah di-beri pelajaran. Negara kita memerlukan kemahiran tertentu, bukan hanya untuk melaksanakan rancangan2 dalam jangka pendek, malahan juga untuk mengawas projek2 dalam jangka panjang. Di-sini-lah yayasan pelajaran tinggi negeri ini mesti memainkan peranan yang penting. Untuk pelaksanaan dengan jaya-nya

projek2 sa-umpama itu, maka pelajaran mesti lah di-  
sesuaikan kepada kehendak2 negara.

12. Keperluan2 yang berubah ada-lah menghendaki  
isi pelajaran di-semak dan di-perbaiki selalu untok  
mengelakkan pembaziran sama-ada dari segi manusia,  
ekonomi atau kebendaan. Apa juga perubahan di-bidang  
ini, mesti-lah melibatkan penyesesuaian yang sejajar di-  
dalam peranan guru2 sekalian.

13 Sekolah2 mencherminkan masharakat di-mana ia-nya  
di-dapati. Ia melambangkan tradisi, nilai dan harapan  
masharakat itu. Ada-lah menjadi tanggung-jawab guru2  
untok menyampaikan segala2-nya ini, saberapa berkesan  
yang boleh, kepada jenerasi yang baru. Saperti saorang  
petani yang baik, ada-lah menjadi kewajipan guru2 menyemai-  
kan benerah2 yang terpileh dalam pemikiran anak2 kita

supaya mereka akan dapat menghasilkan buah yang baik.

14. Sasaran pelajaran ia-lah kanak2, yang telah di-  
amanahkan oleh ibu bapa kepada guru2. Semasa kanak2 itu  
berada di-sekolah, guru2 menjadi pengganti ibu bapa  
mereka, dan sa-saorang guru boleh memainkan peranan ini  
dengan berkesan, sakira-nya <sup>ada</sup> ~~mereka~~ bekerjasama dengan  
erat-nya antara ibu bapa dan sekolah. Ada-lah menjadi  
anggapan yang salah sakira-nya lain2 aspek peranan  
guru2 di-perkechilkan, hanya <sup>bertujuan</sup> untuk menchapai keputusan2  
peperiksaan yang baik. Kewajipan guru2 ia-lah menolong  
sa-saorang kanak2 membentok kebolehan-nya saberapa  
terdaya yang boleh, dan saterus-nya memimpin kanak2  
hidup berbahagia dan sentosa.

15. Sa-saorang itu tidak perlu melanjutkan pelajaran-  
nya ka-mana2 universiti, tetapi sakira-nya ia mempunyai  
moral yang tinggi, lagi boleh di-pertanggung-jawabkan

dan di-perchayai, dan lain2 sifat yang di-hormati oleh masharakat, maka orang itu ada-lah di-terima sabagai sa-orang yang terpelajar.

17. Masharakat mengharapakan guru2 menunjukkan chontoh tauladan, dan oleh kerana itu guru2 ada-lah sepanjang masa menjadi tumpuan orang ramai. Kelakuan orang biasa yang boleh di-benarkan oleh masharakat, ada-lah di-pandang hina apabila terdapat di-sisi guru2. Oleh hal yang demikian, sa-saorang guru terpaksa berada dalam kawalan masharakat yang mempunyai banyak sekatan.

18. Tugas guru ada-lah berat. Ia tidak boleh men-sifatkan kewajipan-nya sebagai perkara mudah sahaja, oleh kerana sa-saorang guru itu ada-lah pendidek masa depan warga-negara kita. Walau pun orang lain boleh membuat kesilapan, tetapi kesilapan guru2 akan menjadi kerugian kapada masharakat. Sunggoh pun kebolehan

murid2 berbeza, masharakat sentiasa mengharapakan guru2 menghasilkan kejayaan yang sama bagi semua murid2. Tugas guru2 di-kawal oleh undang2 masharakat ~~dan rasmi~~ yang ketat dan kepada guru yang bertanggung-jawab, tugas2 nya berjalan sepanjang masa; tugas saorang guru tidak berhenti sebaik sahaja ia meninggalkan bangunan sekolah. Di-mana juga dia berada dia maseh sa-orang guru.

19. Peranan guru2 sangat-lah rumit. Selain daripada mengajar, dia di-kehendaki menganjor dan melaksanakan aktiviti2 luar bilek darjah, berlagak sebagai sa-orang guru panduan kerjaya kepada kanak2 berhubung dengan pelajaran mereka dan masa depan mereka dan disamping itu mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti2 kemasharakatan. Walau pun tugas guru2 berat dan tambahan sentiasa di-kawal oleh kehendak2 masharakat yang ketat,

namun demikian jasa chemerlang mereka ini maseh tidak  
di-kenali oleh masharakat. Hari Guru ia-lah satu rupa  
pengiktirafan untok menghargai sumbangan guru2 yang  
tidak ternilai walau pun tidak kelihatan.

20. Pada Hari Guru ini pelajar2 di-seluruh negara  
akan mengenang jasa guru2 mereka. Saya sungguh ber-  
harap bahawa semua pelajar2 akan sentiasa mengenangkan  
budi dan jasa guru2 dan masharakat kerana memberi  
pelajaran mereka itu. Pelajar2 hendak-lah sentiasa  
berusaha untok membena masharakat yang tegoh dan maju  
dengan bekerjasama dengan guru2 mereka setiap masa.

21. Ada kala-nya ibu bapa menchachi guru2 di-sebabkan  
oleh salah paham. Saya suka merayu kepada ibu bapa  
supaya sentiasa bertimbang rasa terhadap guru2, yang  
bersusah payah berikhtiar memajukan anak2 kita, dan  
*semata<sup>2</sup>.*  
bukan-nya mengecham mereka. Saya suka bertanya berapa

ramai kah agak-nya di-antara ibu bapa di-negara kita ini, yang pernah pergi ka-sekolah untok menguchapkan terima kaseh kepada guru2, di-atas tugas mereka yang baik, atau pun oleh kerana kepintaran mereka membentok peribadi anak2 kita sekalian. Hari Guru memberikan kesempatan itu yang selama ini kita tunggu2. Saya suka menyeru ibu bapa agar menggunakan peluang ini sebaik2-nya untok menguchapkan terima kaseh kepada guru2 yang telah menjadi <sup>ibu-bapa</sup> ~~Bapa~~ kepada anak2 kita.

22. Guru2 itu ujud kerana menyahut seruan masharakat di-bidang sosial dan kebudayaan. Kepada mereka lah ibu-bapa menggantungkan harapan untok membentok dan memimpin anak2 kita semasa di-sekolah. Kebolehan guru2 menyemai-kan sikap2 mulia di-antara pelajar2 akan menentukan jaya-nya tujuan kita dan negara. Pembentokan satu masharakat yang dinamik, tanpa mengira kesilapan yang telah berlaku,

<sup>?</sup>  
untuk

dengan dedikasi yang ~~mengembeling~~ untuk tujuan2 kebangsaan,  
ia-lah satu tugas yang paling berat bagi guru2. Guru2  
boleh menjayakan harapan yang di-pikulkan pada mereka  
oleh masharakat dengan menghapuskan segala perselisehan  
paham di-antara mereka, dan pada Hari Guru ini, mereka  
boleh memberi sekali lagi tugas mereka semula dengan  
penoh dedikasi bagi menjayakan perkhidmatan yang mulia  
dan di-hormati ini.